LBS TAMPILKAN THE RESERVA DENGAN GDV RM8.3 BILION, MEMBAWA GAYA HIDUP PREMIUM YANG LEBIH TENANG DI KWASA DAMANSARA

- *Pembangunan pegangan bebas (freehold) seluas 192 ekar ini berteraskan taman hutan seluas 49 ekar, mengenengahkan perspektif baharu kediaman premium menerusi konsep "The Quiet Side of Kwasa Damansara"*

PETALING JAYA, 11 November 2026 – LBS Bina Group Berhad ("LBS" atau "Kumpulan") hari ini melancarkan The Reserva, sebuah pembangunan kediaman premium di Kwasa Damansara, Selangor, dengan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM8.3 bilion, pada majlis previu media eksklusif yang diadakan di M Resort Kuala Lumpur. Merangkumi tanah pegangan bebas seluas 192 ekar, pembangunan ini dibina berteraskan visi "*The Quiet Side of Kwasa Damansara*", yang menggabungkan kediaman diinspirasikan oleh alam semula jadi dengan reka bentuk rumah yang teliti serta keterhubungan bandar.

The Reserva menampilkan taman hutan seluas 49 ekar, yang dikelilingi oleh 11 bahagian pembangunan. Pelan induk berteraskan alam semula jadi ini meletakkan elemen kehijauan sebagai nadi pengalaman kediaman, sekali gus menawarkan persekitaran yang tenang kepada penduduk untuk berehat dan mendampingi semula alam semula jadi tanpa menjejaskan kemudahan kehidupan bandar.

Pembangunan ini mencerminkan pendekatan Kumpulan dalam mewujudkan kawasan yang menyerlahkan ciri-ciri semula jadi tanah tersebut. Menerusi

bentuk muka bumi yang tinggi, persekitaran hutan serta susun atur yang dirancang rapi, The Reserva berhasrat untuk menawarkan gaya hidup yang lebih seimbang kepada penduduk, di mana ruang luar dan alam semula jadi menjadi sebahagian daripada pengalaman harian mereka.

Terletak secara strategik di perbandaran perdana Kwasa Damansara, The Reserva merupakan sebahagian daripada pelan induk merangkumi sembilan taman awam, laluan pejalan kaki dan basikal sepanjang 23.72 kilometer, serta 15 buah sekolah baharu bagi menyokong komuniti yang sedang pesat membangun. Perbandaran ini juga menerapkan inisiatif rendah karbon dan ciri-ciri bandar pintar bagi mempromosikan kehidupan bandar yang lebih mampan dan cekap. Dengan kemudahan perkhidmatan rel transit massa (MRT), perkhidmatan bas pengantara, serta akses ke jalan raya dan lebuh raya utama, penduduk dapat menikmati keselesaan yang lebih tinggi dan keterhubungan yang lancar ke destinasi penting.

Fasa kediaman pertama di dalam The Reserva ialah Sherwood Residence. Pembangunan pegangan bebas seluas 24.94 ekar ini merangkumi 196 unit kediaman bertanah, termasuk lapan banglo, 88 unit rumah berkembar (semi-D), dan 100 unit rumah teres superlink. Diinspirasi oleh konsep "*bright forest*", Sherwood menggabungkan reka bentuk kontemporari dengan kontur semula jadi tanah, ruang terbuka, serta persekitaran hijau. Susun aturnya yang berketumpatan rendah direka khas untuk menampung keperluan keluarga yang sentiasa berkembang, termasuk konsep kediaman pelbagai generasi.

Kehalusan reka bentuk ini membuktikan fokus LBS dalam melakar kediaman yang harmoni antara corak hidup kontemporari dan keperluan praktikal, sekali gus menawarkan fleksibiliti bagi isi rumah berbilang generasi di samping menjamin keselesaan jangka panjang para penduduk.

Tan Sri Dato' Sri Ir. (Dr.) Lim Hock San, Pengerusi Eksekutif Kumpulan LBS, berkata, "Pelancaran The Reserva menandakan satu pencapaian penting buat LBS tatkala kami terus memperluaskan portfolio dengan pembangunan yang menawarkan nilai tersendiri kepada pembeli rumah. Kami melihat potensi besar pada tanah pegangan bebas yang luar biasa ini di Kwasa Damansara,

dan menerusi The Reserva, kami sasarkan untuk mencipta lebih daripada sekadar kediaman; sekali gus menawarkan persekitaran kediaman di mana penduduk dapat menikmati ketenangan alam semula jadi, reka bentuk kediaman yang teliti, dan kemudahan keterhubungan bandar. Kami percaya pembangunan ini akan menawarkan nilai jangka panjang kepada pemilik rumah dan keluarga mereka untuk generasi akan datang."

Berpandukan kepada slogan, "*A Place Worth Preserving*", The Reserva mencerminkan aspirasi LBS untuk mewujudkan sebuah alamat kediaman tersendiri di mana nilai pemilikan pegangan bebas bertemu dengan hubungan yang kekal bersama alam semula jadi. Menerusi konsep "The Quiet Side of Kwasa Damansara", LBS berusaha menawarkan perspektif berbeza kepada pembeli rumah mengenai kediaman premium – yang menyatukan ruang, kehijauan, dan kemudahan bandar.

Untuk maklumat lanjut mengenai The Reserva dan pembangunan hartanah LBS yang lain, sila layari https://thereserva.my/ atau muat turun aplikasi mudah alih Hello by LBS.

~Tamat~